

Lihat 1,400 ekor buaya, biawak di Sungai Melaka

Disember 31, 2023 @ 9:49am



Melancong ke Melaka akan kurang lengkap sekiranya tidak mencuba menelusuri Sungai Rembau dan Sungai Linggi di Masjid Tanah, Alor Gajah sepanjang 15 kilometer yang akan menjadi antara tarikan sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024). - Foto BERNAMA

MELANCONG ke Melaka akan kurang lengkap sekiranya tidak mencuba menelusuri Sungai Rembau dan Sungai Linggi di Masjid Tanah, Alor Gajah sepanjang 15 kilometer yang menjadi antara tarikan sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024).

Diangkat sebagai Pusat Eko Pelancongan Paya Lebar, sungai dikelilingi hutan paya bakau serta habitat hampir 1,400 ekor buaya serta hidupan liar lain seperti memerang, biawak dan pelbagai spesies burung itu akan memberikan pengalaman berbeza berbanding menelusuri Sungai Melaka yang sememangnya terkenal dalam kalangan pelancong seluruh dunia.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer, berkata dua bot disediakan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) bagi 'Eco Cruise Sungai Linggi' berkapasiti 20 penumpang untuk memberikan pengunjung merasai keindahan panorama hutan paya bakau.

Bot yang berpangkalan di Jeti Paya Lebar itu akan beroperasi tiga hari seminggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad serta boleh ditempah khas pada hari biasa.

"Sudah pastinya perkhidmatan bot tiga jam perjalanan pergi dan balik ini akan membawa pengunjung melewati sungai yang menjadi habitat buaya, Taman Lokan serta keindahan panorama hutan bakau yang menakjubkan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Hameed Mytheen berkata, hampir 100 bot nelayan di empat jeti sekitar kawasan itu iaitu Jeti Teluk Berembang, Jeti Paya Lebar, Jeti Tebing Urut dan Jeti Ramuan China Kecil yang telah siap dinaik taraf membabitkan peruntukan RM250,000 juga bersedia membawa pelancong.

"Secara purata hampir 30 bot akan disewa daripada nelayan oleh pengunjung sama ada untuk pergi memancing atau menikmati keindahan alam semula jadi di sepanjang Sungai Rembau di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau ini pada setiap minggu dan kita jangka, jumlah itu akan bertambah sepanjang TMM 2024," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM, Datuk Murad Husin berkata beberapa bot menelusuri Sungai Melaka diberikan wajah baharu bagi memberikan pengalaman berbeza kepada pengunjung di laluan penuh bersejarah di Banda Hilir di sini sempena TMM 2024.

"Bagi memeriahkan TMM 2024, beberapa bot diberi wajah baharu dengan imej menarik seperti Upin dan Ipin, produk makanan dan logo korporat penaja berbanding sebelum ini yang hanya dicat biru dan perubahan ini kita percaya akan menarik pengunjung menggunakan perkhidmatan river cruise ini," katanya.

Laluan sepanjang 4.5 km yang diberi jolokan *The Venice of the East* itu akan dikendalikan 33 jurumudi termasuk sembilan wanita, dengan sasaran sejuta pengunjung menggunakan perkhidmatan pengangkutan air itu didatangkan dalam pelbagai pakej.

Menurutnya, antara promosi ditawarkan PPSPM adalah Pakej Keluarga TMM 2024 yang meliputi empat agensi iaitu River Cruise Melaka, Zoo Melaka, Perbadanan Muzium Melaka dan Menara Taming Sari bagi memberi peluang pengunjung merasai pelbagai pengalaman menerusi satu pakej tiket dengan harga lebih murah. – BERNAMA